



---

## KERTAS KONSEP

# **S**tudent **L**eaders **B**oard

Kursus Bakal Pemimpin Murid Asrama

# **S.L.B.**



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

---

Unit Pengurusan Asrama  
Sektor Pengurusan Kesihatan Intervensi Asrama (SPKIA)  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

# 1 Tajuk

## Kursus Bakal Pemimpin Murid Asrama (*Student Leader Board*) Kementerian Pendidikan Malaysia

# 2 Pengenalan

- 2.1 Pemimpin merupakan individu yang diamanahkan untuk memimpin subordinat (pengikutnya) ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan dalam sesebuah organisasi. Pemimpin juga bertanggungjawab memastikan perancangan dan halatuju sesebuah organisasi itu dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berjaya. Oleh yang demikian, pemimpin seharusnya diberi latihan dan input kepimpinan selaras dengan peranan dan tugas mereka. Kewajipan melahirkan pemimpin dituntut kepada pentadbir sekolah dan asrama yang menekankan sifat kepedulian dalam pengurusan dan pentadbiran mereka. Tanggungjawab melahirkan dan membina bakal pemimpin memerlukan satu usaha yang tersusun dan sistematik.

- 2.2 Sehubungan itu, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2011 telah mewujudkan satu program yang memberikan input, latihan teori dan praktikal kepada bakal-bakal pemimpin murid di asrama harian. Program ini dinamakan Kursus Bakal Pemimpin Murid Asrama ataupun lebih dikenali sebagai *Student Leader Board* (SLB) yang disertai oleh murid yang telah dikenalpasti akan dilantik sebagai pemimpin sesebuah asrama.
- 2.3 Peserta SLB ini akan diberikan input melalui modul-modul khas yang memberikan fokus kepada peranan pemimpin murid dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah asrama. Peserta akan didedahkan dengan teori dan praktikal serta akan berpeluang untuk mengelola Malam Anugerah Seri Asrama Terbilang (ASAT) sebagai latihan akhir sebelum pulang ke asrama masing-masing.

### 3 Matlamat

- 3.1 Pembangunan asrama dapat dilaksanakan secara menyeluruh dengan penglibatan guru dan murid bagi mencapai hasrat menjadikan asrama harian sebagai tempat yang menjamin kejayaan seseorang murid berdasarkan potensi dan bakat individu.

### 4 Objektif

- 4.1 Pemimpin murid dapat memainkan peranan aktif dalam pengurusan dan pembangunan asrama sekolah masing-masing.

- 4.2 Mengukuhkan sifat kepimpinan dalam diri untuk menggerakkan semua penghuni asrama dalam pengurusan dan pembangunan asrama masing-masing.
- 4.3 Pemimpin murid boleh membantu dalam program-program yang dilaksanakan oleh pihak asrama, PPD dan JPN sebagai fasilitator.
- 4.4 Meringankan beban pengurusan asrama/warden melalui kerjasama antara murid dan guru dalam membangunkan sesebuah asrama

## 5 Peserta

- 5.1 Elemen kritikal dalam program ini ialah pemilihan peserta yang akan mengikuti modul-modul yang disediakan
- 5.2 Pihak PPD / JPN hendaklah mengenalpasti peserta yang akan dihantar mengikuti program ini melalui perbincangan dan persetujuan bersama pengurusan sekolah peserta tersebut.
- 5.3 Terdapat beberapa kriteria/syarat yang perlu diambil kira untuk pemilihan peserta ke SLB, iaitu :
  - i. Murid tingkatan empat (4) tahun semasa
  - ii. Telah dikenalpasti akan dilantik sebagai Ketua Murid Asrama/Penolong pada tahun hadapan (Pengesahan daripada Pengetua/Guru Besar)
  - iii. Setiap negeri akan menghantar 12 orang peserta iaitu 6 lelaki dan 6 perempuan
  - iv. Setiap peserta mestilah daripada sekolah yang berbeza (Kecuali A1M)
  - v. Peserta hendaklah mewakili daerah (PPD) yang berbeza

#### 5.4 Bilangan peserta mengikut negeri

BIL	NEGERI	PESERTA		GURU PENGIRING	JUMLAH
		L	P		
1	PERLIS	6	6	2	14
2	KEDAH	6	6	2	14
3	PULAU PINANG	6	6	2	14
4	PERAK	6	6	2	14
5	SELANGOR	6	6	2	14
6	WP K. LUMPUR	6	6	2	14
7	NEGERI SEMBILAN	6	6	2	14
8	MELAKA	6	6	2	14
9	JOHOR	6	6	2	14
10	PAHANG	6	6	2	14
11	TRENGGANU	6	6	2	14
12	KELANTAN	6	6	2	14
13	SABAH	6	6	2	14
14	SARAWAK	6	6	2	14
15	A1M	6	6	2	14
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>90</b>	<b>90</b>	<b>30</b>	<b>210</b>

## 6 Modul Pengisian Program

**MODUL 1 : TAKLIMAT PROGRAM DAN ICE-BREAKING**

- a. Taklimat program
- b. Sesi suai kenal

**MODUL 2 : KOMUNIKASI EFEKTIF**

- a. Adab berkomunikasi
- b. Kemahiran mengacara majlis
- c. Pengucapan awam dalam dwibahasa

**MODUL 3 : PENGURUSAN PROGRAM**

- a. Penyediaan kertas kerja
- b. Penyediaan surat dan memo
- c. Pengurusan mesyuarat
- d. Penyediaan laporan aktiviti
- e. Mesyuarat kajian tindakan semula (post-mortem)

**MODUL 4 : PENGURUSAN ASRAMA**

- a. Pengurusan Harian (Hari Bersekolah)
- b. Pengurusan Harian (Hujung Minggu)
- c. Pengurusan Solat Maghrib, Isyak dan Subuh berjemaah
- d. Pengurusan Waktu Kualiti Asrama
- e. Pengurusan Kelas Persediaan Berfokus

**MODUL 5 : RIADAH DAN REKREASI**

- a. Khidmat Masyarakat
- b. Bersukan
- c. Kembara
- d. Lawatan

**MODUL 6 : PENAMPILAN DIRI / PROTOKOL / ETIKA**

- a. Tatacara berpakaian
- b. Tatacara makan
- c. Tatacara berkomunikasi
- d. Tatacara majlis rasmi

**MODUL 7 : PROJEK**

- a. Perancangan dan pelaksanaan Plan Strategik/takwim asrama
- b. Projek bersesuaian mengikut biro-biro
- c. Pelaporan

## 7 Program Susulan

- 7.1 Program Susulan ini merupakan salah satu elemen penting dalam Program SLB. Ini kerana, sekiranya tiada susulan dibuat oleh pihak PPD dan JPN, maka matlamat program ini untuk melihat pemimpin-pemimpin ini berfungsi amatlah tipis.
- 7.2 Ilmu dan info pengurusan yang diperolehi oleh peserta-peserta SLB ini harus dikembangkan kepada bakal-bakal pemimpin asrama di daerah dan negeri masing-masing dan untuk itu penyelarasan dan komitmen PPD dan JPN amat penting untuk merancang dan melaksanakan program susulan di peringkat PPD atau JPN dan memanfaatkan peserta yang telah mengikuti kursus SLB tersebut.
- 7.3 Terdapat beberapa langkah dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh JPN sebagai tindak susul Program SLB Kebangsaan, iaitu :

- i. JPN memastikan bahawa peserta yang telah menghadiri Kursus SLB ini dilantik sebagai Ketua Pelajar Asrama (Kriteria utama semasa pemilihan murid ke SLB Kebangsaan)
- ii. JPN Memastikan Ketua Murid Asrama ini menghantar item/laporan yang ditetapkan seperti :
  - a. Perancangan Takwim Asrama / projek asrama pada awal Februari
  - b. Menghantar pelaporan aktiviti pada bulan Jun dan November
- iii. Pemantauan oleh JPN / PPD terhadap perkembangan peserta kursus setelah dilantik sebagai pemimpin asrama.
- iv. PPD/JPN mengadakan Kursus Pemimpin/Bakal Pemimpin Murid Peringkat Daerah/Negeri dan melibatkan peserta kursus SLB peringkat kebangsaan sebagai pemudahcara.
- v. Satu laporan khas oleh JPN hendaklah disediakan dan dihantar kepada BPSH berkaitan aktiviti, program dan impak yang diperolehi daripada tindakan susulan yang dibuat di peringkat daerah dan negeri.

## 8 Peruntukan Kewangan

- 8.1 Perbelanjaan program ini akan menggunakan peruntukan yang diturunkan oleh KPM kepada negeri pengelola
- 8.2 Sekiranya tiada peruntukan kewangan daripada KPM perbelanjaan akan ditanggung bersama oleh negeri yang mengelola dan negeri yang menyertai.
- 8.3 Kos penganjuran, penyertaan dan bayaran boleh menggunakan peruntukan Bantuan Kokurikulum Asrama (BKKA) di sekolah dan peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Unit Asrama di Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing serta mematuhi pekeliling kewangan yang sedang berkuat kuasa



## 9 Ahli Jawatankuasa (AJK)

### 9.1 JAWATANKUASA INDUK

Penaung	:	Menteri Pendidikan Malaysia
Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Pengerusi	:	Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah (Murid), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Naib Pengerusi	:	Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi dan Asrama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Setiausaha	:	Ketua Unit Asrama, Sektor Pengurusan Kesihatan, Intervensi dan Asrama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
Pen. Setiausaha	:	Penolong Pengarah Unit Asrama, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
AJK	:	Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Pengarah Pendidikan Negeri Johor Pengarah Pendidikan Negeri Perak Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Pengarah Pendidikan Negeri P. Pinang Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu Pengarah Pendidikan Negeri Pahang Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak Pengarah Pendidikan Negeri Sabah Pengarah Pendidikan WP Kuala Lumpur Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Pengarah Pendidikan Negeri Melaka Pengarah Pendidikan Negeri Perlis

## 9.2 JAWATANKUASA PENGELOLA

Penaung	:	Menteri Pendidikan Malaysia
Penasihat	:	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Pengerusi	:	Pengarah Pendidikan Negeri
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri
Naib Pengerusi	:	Ketua Sektor, Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Setiausaha	:	KPP/KU Unit Hal Ehwal Murid, JPN
Naib Setiausaha	:	Penyelia Kanan Asrama JPN
Bendahari	:	Unit Kewangan JPN
Ahli Jawatankuasa	:	Ketua-ketua Sektor di JPN KPP – KPP di JPN Pegawai Pendidikan Daerah Pengetua / Guru Besar Sekolah-sekolah berasrama Persatuan Penyelia Asrama Agensi Kerajaan Agensi Swasta NGO-NGO

### 9.3. JAWATANKUASA KERJA

Jawatankuasa Kerja utama yang WAJIB diwujudkan ialah seperti di bawah :

- i. Jawatankuasa Pendaftaran & Pemeriksaan Dokumen
- ii. Jawatankuasa Jemputan
- iii. Jawatankuasa Teks Ucapan VVIP & VIP
- iv. Jawatankuasa Pegawai Perhubungan
- v. Jawatankuasa Protokol
- vi. Jawatankuasa Dokumentasi & Buku Program
- vii. Jawatankuasa Promosi
- viii. Jawatankuasa Siaraya, Multimedia dan Teknikal
- ix. Jawatankuasa Logistik dan Penginapan
- x. Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan
- xi. Jawatankuasa Persiapan Tempat, Pentas dan Kebersihan
- xii. Jawatankuasa Hadiah & Sijil & Cenderamata
- xiii. Jawatankuasa Aturcara Majlis dan Floor Manager (Pengurus Pentas)
- xiv. Jawatankuasa Persembahan
- xv. Jawatankuasa Makanan & Jamuan

## Lampiran

1. SOP Pelaksanaan Program